



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE WIFE'S OBLIGATION TO FULFILL INNER MAINTENANCE TO HUSBAND WHO IS INFECTED WITH HIV / AIDS: ACCORDING TO ISLAMIC FAMILY LAW AND CASE STUDY]

KEWAJIPAN ISTERI MENUNAIKAN NAFKAH BATIN KEPADA SUAMI YANG DIJANGKITI HIV/ AIDS: MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DAN KAJIAN KES

MD. ZAWAWI ABU BAKAR^{1*}
RAJWANI MD. ZAIN¹
WAN AB RAHMAN KHUDZRI WAN ABDULLAH¹

¹ Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial,
Universiti Utara Malaysia.

*Corresponding author: zawawi@uum.edu.my

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

Abstract

This paper aims to explain the dilemma that occurs in marital relationships. The issue of performing the external or internal maintenance obligation on the husband who has HIV / AIDS causes the wife to suffer. Thus, a qualitative study has been done to identify the dilemma that occurs in the relationship between husband and wife. Archival research methods such as the provisions of Islamic Family Law (UUKI), fiqh munakahat and case studies have been used. Interview methods were also performed to answer the objectives of the study. A total of 8 respondents, namely the wives of AIDS sufferers, were interviewed to obtain study data and the data was finally analyzed manually (QDA). The results show that there is discrimination against people living with HIV / AIDS (OHDHA) (wife) in the form of external and internal maintenance (husband and wife relationship). Even sadder, all respondents have been infected with HIV / AIDS as a result of intimate relationships with their husbands. The study finally concludes that OHDHA (wife) needs guidance and understanding of how to deal with the dilemma of performing duties as a wife and avoiding darar treatment from her partner (husband).

Keywords: UUKI, Obligation, Wife, nafkah, HIV/AIDS.

Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan dilema yang berlaku dalam hubungan suami isteri. Isu berkenaan melaksanakan kewajipan nafkah zahir atau batin terhadap suami yang menghidap HIV/AIDS menyebabkan isteri menderita. Justeru, satu kajian kualitatif telah dilakukan untuk mengenal pasti dilemma tersebut yang berlaku dalam hubungan suami isteri. Kaedah kajian arkib seperti peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (UUKI), fiqh munakahat dan kajian kes telah digunakan. Kaedah temu bual juga telah dilakukan untuk menjawab objektif kajian. Responden seramai 8 orang iaitu isteri kepada penghidap AIDS telah ditemu bual bagi mendapat data kajian dan data akhirnya dianalisis secara manual (QDA). Hasil kajian menunjukkan bahawa berlaku

diskriminasi terhadap Orang Hidup Dengan HIV/AIDS (OHDHA) (isteri) iaitu dalam bentuk nafkah zahir dan batin (hubungan suami isteri). Lebih menyedihkan lagi semua responden telah dijangkiti HIV/AIDS hasil hubungan intim bersama suami. Kajian akhirnya menyimpulkan bahawa OHDHA (isteri) perlu kepada bimbingan dan pemahaman bagaimana menangani dilemma melaksanakan kewajipan sebagai isteri dan mengelakkan daripada perlakuan darar daripada pasangannya (suami).

Kata kunci: UUKI, Kewajipan, isteri, nafkah, HIV/AIDS

Cite as: Md Zawawi Abd Bakar, Rajwani Md. Zain & Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah. 2015. Kewajipan Isteri menunaikan nafkah batin kepada Suami yang dijangkiti HIV/ AIDS: Menurut Undang-undang Keluarga Islam dan kajian kes. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 64-75

PENGENALAN

Setiap individu mempunyai hak. Justeru bagi pasangan suami isteri terdapat hak dan tanggungjawab yang perlu dilakukan dalam perkahwinan. Menurut Abd al-Rahman al-Sabuni (1983) hak dan kewajipan antara suami dan isteri lahir melalui akad perkahwinan. Sehubungan itu wujud hak suami, hak isteri dan hak bersama antara keduanya. Perkara tersebut juga dijelaskan oleh al-Maududi (1985), Abdul Karim Zaidan (2000) Hisham Qiblan (1983), Badran Abu al-Ainain Badran (1985) dan Muhammad Abu Zahrah (1971). Hak dan kewajipan mestilah seimbang dalam mewujudkan kerukunan rumahtangga. Justeru, pasangan suami isteri perlu menunaikan tanggungjawab memberi hak kepada pasangannya.

Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1993) akad perkahwinan akan mengharuskan persetubuhan antara suami isteri serta mewujudkan hak dan membentuk tanggungjawab di antara kedua pihak iaitu suami isteri. Keengganan suami atau isteri menunaikan hak masing-masing adalah perbuatan tidak bertanggungjawab. Isteri berkewajipan menjaga rumahtangga dan memberi nafkah batin kepada suami. Dalil daripada hadis Rasulullah SAW bermaksud:

Apabila seseorang perempuan tidur pada malam hari dengan meninggalkan tempat tidur suaminya, malaikat akan melaknatnya sehingga subuh hari. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab 86)

Perkahwinan menghalalkan suami isteri bersetubuh dalam bentuk yang dibenarkan syarak. Keengganan isteri menurut kehendak suami (jimak) tanpa sebab keuzuran adalah berdosa. Ini kerana hak suami ialah ketaatan isteri apabila diajak berjimak. Walau bagaimanapun, sebilangan isteri mengalami dilema dalam memenuhi nafkah batin (hubungan kelamin) terhadap suami yang dijangkiti HIV/AIDS. Selain nafkah batin, dilema lain yang dialami para isteri ialah berhubung nafkah zahir yang diabaikan suami. Ajaran Islam menuntut isteri menunaikan tanggungjawab terhadap suami, namun isteri dikecualikan mentaati suami pada perkara-perkara yang mungkar. Sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: "Tidak boleh seorang isteri mentaati suaminya terhadap perkara-perkara maksiat" (al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Hadis 5205)

Wahbah al-Zuhaili (2000) menyatakan isteri perlu taat kepada suami dalam perkara makruf. Ini kerana suami adalah ketua dalam keluarga (rabb al-usrah) atau tuan untuk ditaati

(sayyid al-muta‘). Selain itu beliau turut menyatakan dua sebab kenapa isteri wajib patuh kepada suami iaitu pertama tabiat semula jadi wanita dan kedua kerana suami telah menafkahkan isteri. Makalah ini cuba membincangkan persoalan dilema isteri untuk melaksanakan kewajipan sebagai seorang isteri terhadap suaminya yang menghidap AIDS/HIV.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian literatur yang telah dilakukan menunjukkan bahawa kebanyakan penghidap HIV/AIDS adalah dalam kalangan pengguna dadah (61,123 orang daripada 86,127 orang) dan tidak mempunyai pekerjaan tetap atau menganggur. Justeru, beban kewangan terpaksa ditanggung oleh ahli keluarga termasuk isteri bagi menyara perbelanjaan keluarga. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) didapati kadar jangkitan dalam kalangan wanita khususnya isteri dan suri rumah telah meningkat, sehingga Jun 2009 bilangan suri rumah yang telah dijangkiti HIV adalah seramai 2,865 orang manakala seramai 568 telah menghidap AIDS. Keadaan tersebut berlaku disebabkan sikap suami yang mengamalkan seks bebas serta tidak mengamalkan seks selamat iaitu pemakaian kondom ketika melakukan hubungan seks sama ada bersama isteri atau pekerja seks (Rajwani Md. Zain, 2010). Bagi isteri yang mengetahui aktiviti sosial suami masing-masing mereka beranggapan suami telah melakukan langkah pencegahan jangkitan HIV/AIDS, kesannya wanita (isteri) yang menjadi mangsa iaitu turut dijangkiti HIV/AIDS daripada suami masing-masing. Menurut Gaskins (1999) wanita secara fisiologinya lebih mudah dijangkiti HIV/AIDS. Walaupun mengalami komplikasi yang sama dengan lelaki tetapi wanita yang mempunyai HIV/AIDS juga berhadapan dengan risiko jangkitan yang hanya menyerang wanita seperti jangkitan vagina, penyakit berkaitan pelvis dan kanser rahim. Wanita juga menunjukkan perbezaan komplikasi setelah rawatan terapi antiretroviral seperti ketidaknormalan metabolisme (NIAID, 2005) selain faktor ketidaksamarataan gender.

Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) digubal berdasarkan hukum syarak. Ia memperuntukkan hak dan tanggungjawab pasangan suami isteri. Di Malaysia, setiap negeri mempunyai enakmen undang-undang keluarga Islam masing-masing (Md Zawawi Abu Bakar, 2012). Justeru, pasangan suami isteri Islam di Malaysia tertakluk kepada peruntukan UUKI tersebut dalam menjalani kehidupan berkeluarga. Ia termasuklah permasalahan atau dilema yang dihadapi oleh pasangan suami isteri termasuk pasangan yang berada dalam dilema HIV/AIDS, serta pengabaian nafkah oleh suami. Persoalannya

adakah isteri berhak menolak hubungan intim atas alasan suami mengabaikan nafkah zahir serta mendedahkan diri kepada darar (jangkitan HIV/AIDS)?

Dalam kajian yang dilakukan oleh Vernon dan Thurman (2009); Abel (2007) juga menunjukkan antara beberapa isu utama berkaitan hak, wanita dan HIV/AIDS termasuk kurang kawalan dalam aspek seksual, pengabaian kesihatan, terikat dengan budaya tradisi, stigma dan diskriminasi, penderaan seksual, pendedahan status kesihatan, dan isu kerahsiaan. Kajian oleh Gichaara (2008) menunjukkan amalan atau kepercayaan secara tradisi yang menjadi salah satu punca jangkitan dalam kalangan wanita semakin tinggi kerana mereka tidak mempunyai hak dan kuasa untuk menolak permintaan suami atau pasangan untuk mengadakan hubungan seks. Malah, terdapat wanita yang berhadapan dengan penderaan sekiranya menolak permintaan pasangan untuk mengadakan hubungan seks (Thomas, Chandra, Suriyanarayanan & Swaminathan, 2009). Di samping dibebani dengan tanggungjawab menguruskan keperluan anak dan ahli keluarga yang lain, kaum isteri juga kekurangan sokongan sosial (NIAID, 2005). Terdapat dua rasional utama wanita diberikan peranan sebagai penjaga iaitu kebolehan wanita untuk menyediakan penjagaan yang lebih baik berbanding lelaki. Rasional keduanya ialah secara lazimnya tugas menjaga keluarga termasuk yang mengalami masalah kesihatan sememangnya diberikan kepada wanita (Kayumba, 2000).

HAK ISTERI DALAM PERUNTUKAN UUKI

Dalam UUKI, isteri sebenarnya mempunyai hak terhadap diri sendiri. Berhubung nafkah zahir dan batin terdapat peruntukan undang-undang yang membantu isteri dalam menghadapi dilema seperti ini. Hak yang diperuntukkan dalam UUKI membolehkan isteri menggunakan hukum syarak dan saluran mahkamah syariah dalam menangani dilema ini. Sebenarnya, perceraian bukanlah satu penyelesaian kepada masalah ini, tetapi sebagai salah satu jalan penyelesaian sahaja. Isteri boleh mendapatkan hak perintah mahkamah berhubung nafkah yang diabaikan suami. Begitu juga dalam nafkah batin, Islam ada jalan penyelesaiannya dalam berdepan suami yang menghidap HIV/AIDS. Antara hak isteri dalam UUKI ialah:

i. Hak nafkah

Nafkah adalah hak isteri apabila berlakunya akad nikah. Ia termasuklah nafkah zahir seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Akta ini memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh memerintahkan suami membayar nafkah kepada isteri atau bekas isteri. Namun hak tersebut gugur apabila isteri berlaku nusyuz kepada suami sehinggalah isteri kembali bertaubat dan menurut perintah suami (S. 59 (1) (2) dan (3)). Kadar nafkah akan dinilai mahkamah berdasarkan kepada kemampuan dan pendapatan suami (S. 61). Islam juga memberi hak nafkah batin kepada isteri seperti berhubung intim, kasih sayang, keselamatan dan sebagainya.

ii. Hak untuk bercerai secara talak.

Akta ini memperuntukkan isteri mempunyai hak untuk menuntut cerai secara talak daripada suami tetapi mestilah membuat permohonan kepada mahkamah berserta ikrar. Antara kandungan ikrar ialah butir-butir mengenai perkahwinan, butir-butir yang memberi kuasa kepada mahkamah (S. 45), butir-butir mengenai apa-apa prosiding terdahulu mengenai hal ehwal suami isteri, pernyataan sebab-sebab hendak bercerai, pernyataan tentang langkah-

langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian, apa-apa perjanjian berkaitan nafkah, tempat tinggal, penjagaan anak-anak, aset atau apa-apa persetujuan yang dicapai serta butir-butir perintah yang diminta (S. 47). Meskipun lafaz talak terhadap isteri adalah hak suami tetapi Akta ini memperuntukkan bahawa lafaz hanya boleh dilakukan dengan kebenaran mahkamah (S. 45). Apabila menerima permohonan cerai, mahkamah akan memanggil pihak satu lagi bagi menjalankan siasatan. Apabila mahkamah mendapati pihak satu lagi bersetuju dengan permohonan itu dan mahkamah berpuas hati tiada jalan penyelesaian, Mahkamah akan menasihati suami melafazkan talak kepada isterinya (S. 47 (2) dan (3)).

iii. Hak untuk bercerai taklik.

Apabila berlakunya akad nikah, isteri mempunyai hak untuk membuat surat perakuan taklik dengan syarat-syarat yang dipersetujui suami (S. 50). Justeru, sepanjang pernikahan pasangan tersebut jika suami melanggar taklik dan isteri melaporkan kepada mahkamah, maka akan jatuhlah talak sebagaimana dipersetujui bersama dalam surat taklik semasa akad nikah dahulu.

iv. Hak untuk bercerai fasakh.

Akta ini menjaga hak isteri daripada dianiaya suami dengan menuntut cerai fasakh daripada mahkamah. Sehubungan itu, Akta ini memperuntukkan alasan-alasan yang boleh dikemukakan oleh isteri dalam perceraian fasakh. Antaranya ialah suami tidak diketahui selama tempoh lebih setahun, suami cuai memberi nafkah selama tempoh tiga bulan, suami dihukum penjara selama tempoh tiga tahun, suami tidak memberi nafkah batin selama tempoh setahun tanpa alasan munasabah, suami mati pucuk pada masa perkahwinan dan isteri tidak tahu, suami gila atau mengidap penyakit berjangkit, isteri dipaksa kahwin sebelum umur enam belas tahun dan sebelum berumur lapan belas tahun menolak perkahwinan sebelum disetubuhi suami dan suami menganiyai isteri (S. 52 (1)). Isteri juga boleh menggunakan alasan fasakh lain iaitu apabila suami menganiyainya seperti suami lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan isteri menderita, suami berkawan dengan perempuan jahat dan hidup berperangai keji mengikut hukum syarak, memaksa isteri hidup secara lucah, melupuskan harta isteri atau menghalang isteri daripada menggunakan haknya terhadap hartanya, menghalang isteri dari melakukan kewajipan agama atau suami tidak berlaku adil kepada isteri-isterinya (berpoligami) mengikut hukum syarak. Selain itu, alasan lain ialah suami enggan menyetubuhi isteri selepas empat bulan perkahwinan dengan sengaja, isteri tidak memberi keizinan terhadap perkahwinan atau keizinnannya tidak sah kerana kecelaruan mental dan apa-apa alasan lain yang diiktiraf syarak bagi membubarkan perkahwinan secara fasakh (S. 52 (h), (i), (j), (k) dan (l)).

v. Hak isteri yang dianiyai.

Suami yang menganiyai isteri atau menipu harta isteri boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (S.127). Hak ini boleh memberi pengajaran kepada suami yang tidak bertanggungjawab kepada isteri.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah:

- i. Menjelaskan kewajipan isteri (OHDHA) menunaikan nafkah batin kepada suami yang menghidap HIV/AIDS.
- ii. Menerokai pengalaman yang dilalui oleh isteri yang telah dijangkiti HIV/AIDS (OHDHA).

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini hanya terbatas di negeri Kedah, melibatkan lapan orang responden kajian yang telah dikenal pasti memenuhi ciri-ciri sebagai responden kajian. Justeru, generalisasi tidak boleh dilakukan ke atas semua OHDHA dalam kalangan wanita disebabkan kajian ini lebih berbentuk kajian kes. Kajian juga merujuk peruntukan UUKI kerana responden terikat dengan hukum dan UUKI sepanjang perkahwinan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan kajian arkib. Temu bual bersama responden kajian telah dijalankan sebagai kaedah pengumpulan data. Setiap responden kajian telah ditemui dan ditemu bual antara satu hingga tiga sesi dan setiap temu bual melibatkan masa antara 45 hingga 80 minit. Persetujuan daripada responden telah diperoleh sama ada untuk ditemu bual serta merakamkan temu bual. Lokasi dan masa perjumpaan ditentukan oleh responden sendiri. Analisis menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pembentukan tema berdasarkan objektif kajian dan isu-isu yang diutamakan oleh responden.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian yang dilakukan dipersembahkan seperti berikut:

- i. Profil responden

Data berikut dipaparkan hasil temu bual yang dilakukan terhadap responden dan suami masing-masing boleh dilihat dalam Jadual 1. Kesemua responden terlibat mempunyai bilangan anak antara dua hingga enam orang dan kebanyakan daripadanya masih bersekolah. Kesemua responden yang terlibat juga telah dijangkiti HIV/AIDS daripada suami masing-masing. Seorang daripada anak responden (responden 3- Puan C) juga telah menghidap AIDS, manakala hasil daripada ujian saringan yang telah dijalankan mendapati anak-anak responden yang lain sihat.

Jadual 1: Ringkasan latar belakang responden dan pasangan (suami)

Latar belakang responden				Latar belakang pasangan (suami)			
Responden	Nama	Umur	Pekerjaan	Nama	Umur	Pekerjaan	Punca jangkitan
1	Puan A	28	Suri rumah	Ali	42	Nelayan	IDU
2	Puan B	30	Suri rumah	Bidin	39	Nelayan	IDU
3	Puan C	34	Pembantu kedai	Cham	40	Tukang sapu	IDU
4	Puan D	33	suri rumah	Dino	37	Pemandu lori	IDU
5	Puan E	50	Tukang jahit	Eman	54	Kakitangan awam	Seks bebas
6	Puan F	38	Suri rumah	Fuad	38	Kakitangan awam	Seks bebas
7	Puan G	35	Pembantu kedai	Ghani	40	Pekerja kelab malam	IDU & seks bebas
8	Puan H	40	Suri rumah	Hamid	38	Tukang rumah	IDU

Kesemua responden telah dijangkiti HIV atau telah menular ke peringkat AIDS. Jangkitan adalah berpunca daripada suami masing-masing. Semua suami responden terlibat dengan aktiviti berisiko sama ada pengguna dadah secara suntikan (IDU) atau mengadakan hubungan seks bebas dengan pelacur, atau terlibat dengan kedua-dua aktiviti berisiko secara serentak iaitu pengguna dadah serta melakukan hubungan seks secara rambang. Kaedah jangkitan antara responden dengan suami adalah melalui hubungan seks. Terdapat beberapa faktor tertentu yang menyebabkan jangkitan tidak boleh dikawal iaitu i) isteri sedia maklum status HIV/AIDS suami dan enggan melakukan

Hubungan seks kerana takut dijangkiti tetapi dipaksa oleh suami untuk melakukan hubungan seks. Suami akan menggunakan kekerasan sekiranya isteri menolak permintaan atau arahan untuk mengadakan hubungan seks; ii) masing-masing tidak mengetahui status kesihatan suami; dan iii) mengetahui aktiviti sosial suami iaitu melakukan seks bebas tetapi menganggap suami menggunakan langkah pencegahan (penggunaan kondom).

ii. Hak untuk mendapatkan nafkah zahir dan batin

Kebanyakan responden terlibat membincangkan hal berkaitan nafkah zahir yang tidak ditunaikan oleh suami masing-masing. Malah, terdapat juga suami yang bukan sahaja tidak menyediakan keperluan harian termasuk perbelanjaan persekolahan anak-anak malah turut menafikan hak anak-anak. Walaupun ada di kalangan suami responden yang mempunyai pendapatan tetap tetapi atas alasan tertentu, nafkah zahir (perbelanjaan harian) tetap tidak diberikan kepada isteri serta hanya mengutamakan keperluan peribadi sahaja iaitu untuk membeli dadah atau melanggan pekerja seks. Apa yang dialami oleh responden turut menyokong kajian yang dilakukan oleh Parrish, Burry & Pabst (2003); Hedge, (1999);

Demmer, (2001); Carney,(2003); Renard, et al. (2001). Kajian mereka menyatakan wanita (isteri) yang mempunyai pasangan yang menghidap HIV/AIDS juga terpaksa berhadapan dengan masalah ekonomi. Berdasarkan situasi tersebut, isteri yang berhadapan dengan masalah ekonomi terpaksa mengambil alih tugas sebagai ketua keluarga bagi memastikan kelangsungan hidup terutama keperluan asas anak-anak dapat dipenuhi.

Jadual 2 : Petikan temu bual berkaitan isu nafkah zahir

Responden	Petikan temu bual
Puan H	<i>Duit belanja rumah selalu tak ada. Selalu saya minta bantuan adik beradik. kalau nak harapkan dia (suami) yang bagi duit berlapar lah kami anak beranak</i>
Puan C	<i>Belanja dapur, duit sekolah anak-anak memang duit hasil upah saya kerja, nak harapkan dia (suami) bagi duit memang tak boleh harap. Gaji yang dia dapat habis untuk beli benda tu je. Kadang-kadang tu duit belanja sekolah anak pun dia curi untuk beli dadah</i>

Nafkah adalah sebahagian daripada hak isteri terhadap suami. Ia merupakan hak berbentuk harta bagi isteri selain daripada mahar. Fuqaha mentakrifkan nafkah sebagai apa yang diperlukan oleh isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, tempat tidur, pembantu, kelengkapan rumah dan lain-lain (Muhammad Mahmud Syafie, 1998). Nafkah merupakan tanggung jawab suami dan wajib memberi nafkah kepada isterinya berdasarkan dalil surah al-Talak yang bermaksud: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkahnya menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. (al-Quran, al-Talak 28: 7)

Menurut hukum syarak, suami yang tidak bertanggungjawab dalam memberi nafkah zahir dan batin kepada isteri adalah berdosa. Bahkan isteri, mempunyai hak di sisi syarak untuk memohon perceraian atas alasan tersebut. Menurut Wahbah Zuhaili (2000) sebab isteri perlu taat dan patuh kepada suami disebabkan suami telah menafkahi isterinya. Berdasarkan hasil kajian ini, suami yang terlibat dalam aktiviti berisiko sama ada seks bebas atau penyalahgunaan dadah sahaja hanya berdosa kerana melakukan aktiviti terlarang malah kerana tidak menjalankan tanggungjawab sebagai suami dan ketua keluarga sepenuhnya.

Selain daripada nafkah zahir, responden juga turut mengutarakan isu berkaitan nafkah batin iaitu mereka seolah-olah dinafikan hak untuk menolak permintaan suami untuk mengadakan hubungan seks. Alasan responden menolak permintaan suami adalah kerana mereka sudah sedia maklum tentang status kesihatan suami masing-masing selain takut dengan jangkitan HIV/AIDS. Walau bagaimanapun, mereka dipaksa atau diperlakukan secara kekerasan oleh pasangan untuk mengadakan hubungan seks. Responden juga sering percaya dan terpedaya dengan janji-janji suami bahawa mereka akan selamat dan tidak akan dijangkiti HIV/AIDS. Keadaan tersebut disebabkan kurangnya pengetahuan berkaitan jangkitan HIV/AIDS serta hak yang mereka ada bagi melindungi keselamatan dan kesihatan diri sendiri.

Jadual 3: Petikan temu bual berkaitan isu hak untuk menolak mengadakan hubungan seks

Responden	Petikan temu bual
Puan A	<i>Sejak tahu dia ada HIV saya memang tak nak tidur dengan dia tapi dia kata saya tak boleh lawan apa yang dia nak</i>
Puan G	<i>Saya ambil keputusan untuk tak nak bersama dia, tapi bila balik dalam keadaan khayal, mabuk...dia pukul dan rogol saya</i>
Puan E	<i>Dia selalu pujuk saya, katanya walaupun dia dah ada HIV tapi saya tetap selamat. Saya fikir mungkin bila melanggan pelacur dia guna kondom</i>

Suami atau isteri berhak mendapat layanan batin kerana hikmah pernikahan ialah untuk menghalalkan hubungan jenis suami isteri. Hak bersetubuh adalah hak bersama bagi suami isteri³. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1997) pasangan suami isteri mempunyai hak untuk bersetubuh antara satu sama lain kerana ia adalah hajat dan naluri semula jadi manusia. Ia perlu dipenuhi selagi tiada sebab yang menegah seperti haid, nifas atau sakit. Justeru, suami wajib memberi nafkah batin kepada isteri sebaliknya isteri pula wajib mentaati suami untuk bersetubuh jika tiada sebab lain yang menghalangnya menurut syarak. Muhammad Kamaluddin Imam (1998) menyatakan bahawa hak berhubungan jenis antara suami isteri bagi memenuhi fitrah dan naluri semula jadi manusia keduanya. Maka tiada larangan untuknya selagi tiada larangan dan tegahan seperti haid, nifas, sakit dan seumpamanya.

Walaupun Islam menghalalkan layanan batin antara suami isteri namun ia dibolehkan selagi tidak mendatangkan darar kepada pasangan. Berdasarkan kes yang terlibat dalam kajian ini, isteri boleh menolak permintaan suami untuk mengadakan hubungan seks (tanpa perlindungan) bagi melindungi diri mereka daripada dijangkiti HIV/AIDS. Isteri boleh menolak permintaan suami secara berhikmah. Malah, dalam hukum fekah dan peruntukan UUKI, isteri mempunyai hak untuk menuntut cerai daripada suami jika perkahwinan telah menyebabkan berlakunya darar syarie kepada isteri.

iii. Hak mencegah jangkitan HIV/AIDS

Hasil kajian ini turut mendapati para isteri turut dinafikan hak mereka untuk melindungi kesihatan diri masing-masing. Walaupun mereka mengetahui risiko yang bakal mereka hadapi tetapi terpaksa akur dengan arahan suami. Bagi beberapa responden, suami mereka menggunakan kuasa yang mereka ada sebagai ketua keluarga dan suami bagi memastikan isteri menurut setiap arahan. Manakala isteri tidak mampu berbuat apa-apa tindakan disebabkan pengetahuan dan sumber yang mereka ada adalah terhad, di samping terikat dengan faktor adat dan budaya. Bagi responden, mereka tidak mempunyai sumber untuk mengadu dan berbincang apabila timbul sesuatu isu atau dilema terutama yang melibatkan isu seksual. Mereka masih terikat dengan budaya yang menganggap masalah rumahtangga dan isu seksualiti tidak patut untuk dikongsi dengan orang lain termasuk ahli keluarga.

Jadual 4 : Petikan temu bual berkaitan isu pengetahuan mencegah jangkitan

Responden	Petikan temu bual
Puan F	<i>Suami tak bagi saya guna kondom, katanya dia tak puas. Jadi</i>
Puan H	<i>saya terpaksa ikut Saya tak tahu dimana saya boleh rujuk dan tanya sesiapa kalau saya nak tuntutan cerai sebab suami dah ada jangkitan HIV, memang saya takut tapi saya tak tahu nak mengadu pada siapa</i>

Menurut Taha Abdullah al-Afify (1995) isteri juga mempunyai hak untuk menuntut talak dari suami melalui kadi apabila tidak menyukai suaminya lagi, kerana sesuatu sebab misalnya suami kejam dan jahat. Dalam situasi responden yang terlibat dalam kajian ini, mereka boleh mengambil tindakan tersebut tetapi atas faktor budaya dan pendidikan, mereka hanya akur dengan keadaan. Muhammad Kamaluddin Imam (1998) menyatakan bahawa berhubung jenis di antara suami isteri adalah fitrah semula jadi manusia. Hubungan intim suami isteri dibenarkan bahkan merupakan tanggungjawab bersama suami atau isteri selagi tiada larangan dan tegahan seperti haid, nifas, sakit dan seumpamanya (Md Zawawi Abu Bakar, 2012). Namun demikian, jika suami menghidap penyakit berbahaya dan berjangkit, isteri mempunyai hak untuk melindungi dirinya dari darat tersebut. Antaranya isteri boleh meminta suami menggunakan alat pencegahan kehamilan (protection) seperti kondom semasa berhubung. Selain itu, langkah akhir ialah isteri dibenarkan memohon perceraian secara fasakh atas alasan memudaratkan kesihatan isteri.

CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terdapat beberapa cadangan yang ingin diketengahkan oleh pengkaji iaitu:

- i. Suami isteri perlu mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing menurut hukum syarak dan UUKI. Keperluan ini bagi memastikan tiada pihak yang akan terabai atau dianiayai, serta masing-masing perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap pasangannya.
- ii. Pasangan suami isteri perlu mengetahui sumber dan proses yang perlu dilalui apabila menghadapi masalah rumahtangga. Mereka perlu merujuk kepada ahli agama seterusnya ke pejabat agama Islam dan akhir sekali ke Mahkamah Syariah apabila berhadapan dilema nafkah zahir atau batin. Ini bagi memastikan pasangan yang berhadapan dengan masalah rumahtangga tidak mendapatkan khidmat pihak lain yang akhirnya memberi kesan lebih buruk kepada mereka.
- iii. Suami isteri perlu merujuk kepada pegawai perubatan berhubung kaedah pencegahan jangkitan HIV/AIDS semasa berhubung intim. Dalam hal ini, kerjasama daripada

pihak suami amat diperlukan. Berdasarkan kajian oleh Rajwani Md. Zain (2010) mendapati kaum lelaki agak sukar atau enggan menjalankan pemeriksaan atau mendapatkan rawatan berbanding kaum wanita (isteri).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian kes ini, jelas menunjukkan responden atau OHDHA berdepan dengan diskriminasi dalam melaksanakan kewajipan terhadap pasangannya (suami) seperti status kesihatan, hubungan intim, pengabaian nafkah, dan isu-isu berkaitan dengan rumahtangga. Sebenarnya dalam mendepani isu nafkah zahir atau nafkah batin suami isteri, Islam mempunyai kaedah penyelesaiannya. Perceraian adalah langkah terakhir yang diambil bagi menangani masalah tersebut. Perceraian juga bukan jalan penyelesaian kepada pasangan yang berhadapan dengan jangkitan HIV/AIDS. Selain itu, berdasarkan pengalaman OHDHA yang boleh dijadikan pengajaran dan sempadan dalam menangani kes seumpamanya. Pasangan yang telah dijangkiti virus tersebut sebenarnya masih boleh menjalani kehidupan berkeluarga secara normal dengan mengambil tindakan tertentu seperti tidak meneruskan aktiviti berisiko, menjaga kebersihan diri, menggunakan alat pencegahan semasa berhubungan intim (kondom), mengambil pemakanan seimbang serta mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan rawatan yang sepatutnya. Kedua-dua pihak suami dan isteri perlu saling melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya di samping menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Islam sebenarnya bagi menjamin kebahagiaan rumahtangga.

RUJUKAN

- Abd al-Rahman al-Sabuni (1983). *Nizam al-Usrah Wa Hal Musyikilatuha Fi Zuk Islam*. TT: Maktabah Wahbah.
- Abdullah Basmeih (1985). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri
- Abdul Karim Zaidan (2000). *Al-Mufassal Fi al-Ahkam al-Mar'ah Wa al-Baiti Muslimah Fi al-Syariah Islamiah*. Beirut: al Resalah.
- Abel, E. (2007). Women with HIV and stigma. *Lippincott Williams & Wilkins, Inc. Fam community health*. 1 (30). 104-114
- Abu al-Ala Maududi (1985). *Huquq al-Zawjain*. Jeddah: Dar al Saudiah.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Pindaan 2006).
- Badran Abu al-Ainain Badran (1985). *Al-Zawaj Wa al-Talaq Fi al-Islam*. Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jaamiyah.
- Carney, J.S. (2003). Understanding the implications of HIV disease in women. *The family journal* (11) 84-88
- Demmer, C. (2001). Dealing with AIDS-related loss and grief in a time of treatment advances. *American journal of hospice & palliative care* (18), 35-41
- Gaskins, S. (1999). Issues for women with heterosexually transmitted HIV disease. *AIDS patient care*. 13(2). 89-96
- Gichaara, J. (2008). Women, religio-cultural factors and HIV/AIDS in Africa. *Black theology: An International journal*. 188-199

- Hedge, B. (1999). The impact of HIV infection on partners and relatives. Dalam Catalan, J (ed.). *Mental health and HIV infection: Psychological and psychiatric aspects*. London: UCL Press
- Hisham Qiblan (1983). *Adab al-Zawaj Fi al-Islam*. Beirut: Mansyurat Uwaidat.
- Kayumba, A. (2000). The role of women in taking care of sick family members in this era of HIV/AIDS. *Journal of social philosophy*. 31(4). 447-45.
- Md Zawawi Abu Bakar (2012). *Permasalahan hak pasangan dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. Tesis Doktorat yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Abu Zahrah (1971). *Muhadarat Fi al-Aqd Li Zawaj Wa Atharahu*. TT: Darul Fikr Adabi.
- Muhammad Kamaluddin Imam (1998), *al-Zawaj Fi Fiqh al-Islami Dirasah Syariyyah*. Iskandariah: Darul Jamiyah Jadidah Lil Nasyar.
- Muhammad Mahmud Syafie (1998). *Al-Zawaj Fi Syariyyah Islamiyyah*. Iskandariah: Maktabah Insaniah.
- National Institute of Allergy and Infectious Disease (NIAID). (2005). HIV infection in women. Diakses dari <http://www.niaid.nih.gov/factsheets/womenjiv.htm> Oktober 2005
- Parrish, M., Burry, C. & Pabst, M. (2003). Providing comprehensive case management services to urban women with HIV/AIDS and their families. *Affilia*. 18 (3). 302- 315
- Rajwani Md. Zain. (2010). *AIDS dan kematian: Impak psikososial ke atas penjaga*. Tesis Doktorat yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Renard, A.S., Chongsatitmun, C. & Aggleton, P. (2001). Care and support for people living with HIV/AIDS in Northern Thailand: Finding from an in-depth qualitative study. *Culture heath & sexuality*. 3 (2).167-182
- Taha Abdullah Al-Afify (1995). *Hak suami dan isteri dalam Islam*. (trj. Amir Taat Nasution). Johor Bharu; Jahabersa.
- Thomas, B.E., Chandra, S., S.D. Suriyanarayanan & Swaminathan, S. (2009). Gender differeces in sexual behaviour among people living with HIV in Chennai, India. *Indian J Med Res*. 129. 690-694
- Vernon, I.S. & Thurman, P.J. (2009). Native American women and HIV/AIDS: building healthier communities. *American Indian quarterly*. 33(3)352-372
- Wahbah al-Zuhaili (1997). *Al-Fiqh al-Islam Wa Adillatuh*. Juz al-Rabi". Al-Nazariyyat al-Fiqhiyyah Wa al-Uqd. Damsyik: Darul Fikr.
- Wahbah al-Zuhaili (2000). *Al-Usrah Muslimah Fi Alam Maa`sir*. Damsyik: Darul Fikr.
- Zhou, Y.R. (2008). Endangered womanhood: women's experiences with HIV/AIDS in China. *Qualitative health research* (18) 1115-1126